

## **KERAJAAN BANGUNKAN SEMULA PEKAN *SPEEDWAY CIRCUIT* DI PEKAN**

**PEKAN, 2 JULAI 2024** : Kerajaan Pahang bersama Jabatan Belia dan Sukan Negeri Pahang dan Kementerian Belia dan Sukan (KBS) sedang meneliti usaha untuk membangunkan semula litar *drag* Pekan *Speedway Circuit* yang terletak berhampiran Taman Tasik Sultan Abu Bakar, Pekan yang sudah tidak beroperasi sejak beberapa tahun lalu.

Exco Komunikasi dan Multimedia, Belia, Sukan dan Badan-badan Bukan Kerajaan Negeri Pahang, YB. Tuan Fadzli Mohamad Kamal berkata, usaha ini adalah selari dengan hasrat Kerajaan Negeri untuk menyediakan *platform* kepada peminat aktiviti permotoran khususnya di kalangan anak muda di di Pahang.

“InsyaaAllah Kerajaan Negeri Pahang bersama Jabatan Belia dan Sukan (JBS) Negeri Pahang akan bekerjasama dengan pihak-pihak berkepentingan termasuk MAM, Pejabat Daerah Pekan, Majlis Perbandaran Pekan (MPP) dan juga KBS untuk memastikan hasrat ini tercapai.

“Ini hasrat Kerajaan Negeri untuk menyokong minat anak muda dalam sukan permotoran itu sendiri dan daripada ‘*survey*’ (tinjauan) yang kita buat minat ini semakin bersemarak sebenarnya di kalangan anak muda jadi sudah sampai masa Kerajaan Negeri sediakan lokasi yang sesuai untuk menyokong minat anak muda ini,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas melakukan tinjauan ke tapak *Drag* di Pekan *Speedway Circuit* di Pekan.

Turut hadir ialah Pengarah Jabatan Belia dan Sukan (JBS) Negeri Pahang, YBrs Encik Mua'zamir Jili, Pegawai Daerah Pekan, YH. Dato' Zaliza Zulkifli, Timbalan Presiden *Motorsports Association of Malaysia* (MAM), YH. Dato' Mohammed Rhiza Ghazi, wakil Kementerian Belia dan Sukan (KBS) dan wakil Majlis Perbandaran Pekan (MPP).

Pekan *Speedway Circuit* yang telah menelan belanja RM3 juta itu mula dibina pada tahun 2014 hingga 2017 dengan keluasan tapak 400 meter panjang dan 40 meter lebar.

Justeru, satu perbincangan telah dilakukan bagi memanjangkan litar tersebut untuk meningkatkan kriteria keselamatan pengguna.

Jelasnya, usaha bersepadu amat diperlukan bagi memastikan Pekan *Speedway Circuit* dapat memulakan operasi semula sekaligus menjadi tarikan kepada anak muda yang meminati sukan permotoran. – **PAHANGMEDIA**

**Disediakan oleh Unit Komunikasi Strategik (UKS)**

**#MajuTerusPahang**

**#Pahang1st**

**#KerajaanNegeriPahang**

**Oleh : Fansurina Abdullah**

**Foto : Farizul Hafiz Awang**

**(LIPUTAN BERGAMBAR)**



